KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PENGUATKUASAAN AKTA 852

## SOALAN LAZIM (FAQ)

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT)

# PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [*AKTA 852*]

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### A. BENTUK KAWALAN DI BAWAH AKTA

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Apakah **bentuk kawalan** di bawah Akta 852 ini? | Terdapat dua (2) jenis bentuk kawalan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*] iaitu—<br>a. Kawalan produk merokok yang merangkumi<br>i. Produk tembakau (rokok, cerut, tembakau lerai dan tembakau tanpa asap);<br>ii. Bahan merokok (rokok elektronik atau vape); dan<br>iii. Produk pengganti tembakau<br><br>b. Kawalan penjualan, pembelian dan penggunaan produk merokok oleh Orang Belum Dewasa (OBD) iaitu mana-mana orang berumur kurang daripada 18 tahun. |
| 2. | Bagaimanakah **tindakan penguatkuasaan** yang dilakukan secara berfasa? | **1. TINDAKAN PENGUATKUASAAN SERTA MERTA**<br>a. peruntukan yang melibatkan penjualan produk merokok yang berbentuk permainan dan menarik perhatian golongan kanak-kanak dan remaja bagi mengekang keboleh dapatan produk tersebut;<br>b. peruntukan yang melibatkan pengiklanan, promosi dan tajaan bagi semua jenis produk merokok; dan<br><br>c. tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan, secara dalam talian dan melalui mesin layan diri.<br><br>**2. TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERFASA** akan dilaksanakan bagi tempoh enam (6) hingga 12 bulan daripada tarikh kuatkuasa |

| | | |
|---|---|---|
| | | a. pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025;<br>b. pembungkusan dan pelabelan yang akan dikuatkuasakan mengikut produk (*product-by-product*), selewat-lewatnya 1 Oktober 2025; dan<br>c. kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan yang akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 April 2025.<br><br>**3. TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERTERUSAN**<br>a. larangan merokok di kawasan atau tempat larangan merokok sedia ada sebagaimana di bawah Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Dilarang Merokok) 2024 KECUALI bangunan dobi dan tempat kerja yang ditangguh penguatkuasaan sehingga 1 Januari 2025; dan<br><br>b. larangan penjualan, pembelian dan penggunaan produk merokok oleh Orang Belum Dewasa (OBD) iaitu mana-mana orang berumur kurang daripada 18 tahun. |
| 3. | Apakah saluran yang boleh digunakan oleh orang awam bagi membuat aduan terhadap perlanggaran Akta 852? | Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852 ini orang ramai boleh menghubungi talian 03-8892 4552 atau menghantar pesanan melalui aplikasi Whatsapp ke talian 010-860 8949 dari hari Isnin hingga Jumaat, pada jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang bermula 30 September 2024. |

# PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [*AKTA 852*]

## B. PENDAFTARAN PRODUK MEROKOK

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Siapakah yang perlu membuat permohonan pendaftaran produk merokok? | Adalah menjadi tanggungjawab <u>pengimport dan pengilang</u> untuk mendaftarkan sebarang produk merokok yang ingin diedarkan di Malaysia. |
| 2. | Bagaimana cara untuk **<u>memohon pendaftaran</u>** produk merokok? |  <br>Pengimport dan pengilang boleh memohon borang pendaftaran bagi produk merokok dari Sektor Kawalan Produk Merokok, Alkohol dan Penyalahgunaan Substan melalui e-mel fctcmalaysia@moh.gov.my. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Apakah **dokumen-dokumen** yang perlu dihantar untuk memohon kelulusan pendaftaran produk merokok? | Di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pendaftaran Produk Tembakau, Bahan Merokok dan Produk Pengganti Tembakau) 2024 iaitu berkaitan permohonan bagi pendaftaran, permohonan bagi pendaftaran produk merokok hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan disertakan dengan–<br>a. pembayaran fi sebanyak RM 5,000 bagi setiap jenis produk merokok;<br>b. laporan analisis makmal yang dijalankan oleh makmal yang diluluskan terhadap produk merokok;<br>c. ringkasan laporan analisis yang dirujuk dalam (b);<br>d. cara gaya produk merokok itu; dan<br>e. apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk mengesahkan identiti pemohon dan mengenal pasti tujuan pendaftaran. |
| 4. | Berapakah lamakah **tempoh masa** bagi sesuatu permohonan pendaftaran produk merokok diluluskan oleh KKM? | Tempoh kelulusan pendaftaran bagi produk merokok adalah selama 14 hari bekerja bermula dari tempoh penerimaan dokumen pendaftaran yang lengkap daripada pengimport atau pengilang. |
| 5. | Berapakah jumlah **fi pendaftaran** yang dikenakan? | Fi pendaftaran sebanyak RM 5,000 sekali (*one-off*) dikenakan bagi setiap jenis/ varian produk merokok yang ingin didaftarkan selagi mana produk tersebut tidak berubah dari segi bau, perisa, saiz, bentuk, sebatian, bahan, proses pengilangan atau lokasi pengilang. |
| 6. | Adakah produk merokok wajib mendapatkan **sijil pengiktirafan SIRIM** sebelum membuat permohonan pendaftaran produk merokok? Apakah tindakan jika produk merokok tidak mendapat sijil pengiktirafan? | 1. Setiap produk merokok yang ingin diimport atau dikilang di Malaysia perlulah mendapat kelulusan pendaftaran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlebih dahulu.<br>2. Sijil pengiktirafan SIRIM boleh dipohon setelah produk merokok tersebut mendapat kelulusan pendaftaran daripada KKM. |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | Jika **produk yang telah di pasaran dan pernah mendapat kelulusan Harga Jualan Runcit daripada KKM**, adakah produk tersebut perlu mendapatkan kelulusan harga runcit semula? | 1. Bagi produk tembakau sedia ada (rokok, cerut, tembakau lerai dan tembakau tanpa asap) yang pernah mendapat kelulusan Harga Jualan Runcit (HJR) di bawah Peraturan 8A, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], produk tersebut boleh dijual dengan harga yang sama.<br>2. Walau bagaimanapun, produk tembakau tersebut masih perlu didaftarkan dalam tempoh enam (6) bulan dari tempoh kuatkuasa Akta 852 bagi mendapat kelulusan oleh KKM sebelum boleh diedarkan di pasaran. |
| 8. | Siapakah **pegawai yang boleh dihubungi** jika ada sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran produk merokok? | Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852 ini orang ramai boleh menghubungi talian 03-8892 4552 atau menghantar pesanan melalui aplikasi Whatsapp ke talian 010-860 8949 dari hari Isnin hingga Jumaat, pada jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang bermula 30 September 2024. |
| 9. | Adakah KKM akan mengeluarkan **Garis Panduan** berkaitan pendaftaran produk merokok? | Pengimport atau pengilang yang ingin mendaftarkan produk merokok mereka boleh menghubungi Sektor Kawalan Produk Merokok, Alkohol dan Penyalahgunaan Substan di talian 03-8892 4552 atau melalui e-mel fctcmalaysia@moh.gov.my. |
| 11. | Bilakah pendaftaran produk merokok akan dikuatkuasakan? | 1. Bermula 1 Oktober 2024, semua produk merokok baharu yang ingin diimport atau dikilang di Malaysia perlulah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.<br>2. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pendaftaran Produk Tembakau, Bahan Merokok dan Produk Pengganti Tembakau) 2024 hanya akan dilaksanakan selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuatkuasa Akta 852 iaitu pada 1 April 2025. |

## C. LARANGAN PENGIKLANAN, PROMOSI DAN TAJAAN

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Bolehkah Syarikat VAPE boleh menganjurkan sebarang bentuk **Pameran atau Ekspo** bagi memperkenalkan produk mereka? | 1. Di bawah Bahagian III, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*] adalah berkaitan larangan pengiklanan, promosi dan tajaan bagi produk merokok yang melibatkan Seksyen 7, 8 dan 9 di mana tiada seorang pun boleh menerbitkan, mempromosi atau menaja apa-apa iklan yang berhubungan dengan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tiruan.<br><br>2. Selain itu, Seksyen 10 Akta 852 pula adalah berkaitan larangan menjual atau mempamerkan apa-apa produk merokok melainkan sekiranya mematuhi kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024<br><br>3. Oleh itu, penganjuran sebarang bentuk Pameran atau Ekspo bagi syarikat VAPE untuk memperkenalkan produk-produk mereka **ADALAH DILARANG** dan tidak dibenarkan untuk dianjurkan. |
| 2. | Adakah menjadi suatu kesalahan syarikat **menaja** mana-mana pasukan yang terlibat dengan aktiviti sukan/sukan permotoran/Persatuan | Di bawah Seksyen 9, Akta 852 <u>tiada seorang pun boleh mempromosi atau menaja,</u> atau mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan apa-apa produk merokok, yang dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok atau dipromosikan sebagai produk berhenti merokok. |
| 3. | Adakah dibenarkan mempromosikan produk vape bernikotin berdaftar/tidak berdaftar di Malaysia untuk indikasi berhenti merokok? | Di bawah Seksyen 9, Akta 852 tiada seorang pun boleh mempromosi atau menaja, atau mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan apa-apa produk merokok, yang dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok atau <u>dipromosikan sebagai produk berhenti merokok</u>. |

| | | |
|---|---|---|
| 4. | Apakah tindakan yang boleh dikenakan jika terdapat artis yang mempromosikan rokok elektronik menerusi media sosial atau papan iklan? | 1. Di bawah Seksyen 9, Akta 852 tiada seorang pun boleh mempromosi atau menaja, atau mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan apa-apa produk merokok, yang dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok atau dipromosikan sebagai produk berhenti merokok.<br><br>2. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut adalah perlu bagi memastikan adanya niat dan unsur promosi oleh artis yang berkenaan sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil. |
| 5. | Adakah OBD boleh dikenakan tindakan sekiranya mereka terlibat dalam aktiviti mempromosikan bahan merokok? | 1. Di bawah Seksyen 9, Akta 852 <u>tiada seorang pun</u> boleh mempromosi atau menaja, atau mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan apa-apa produk merokok, yang dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok atau <u>dipromosikan sebagai produk berhenti merokok</u>.<br><br>2. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—<br><br>(i) Bagi kesalahan pertama didenda tidak melebihi RM 20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan<br>(ii) Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM 30,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. |

## D. KAWALAN PENJUALAN

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Bolehkah rokok elektronik atau VAPE dijual dengan menggunakan mesin layan diri? | 1. Di bawah seksyen 10(1), Akta 852, tiada seorang pun boleh menjual atau mempamerkan bagi penjualan apa-apa produk merokok melainkan jika jualan itu mematuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan.<br>2. Di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024 iaitu berkaitan larangan penjualan produk merokok secara dalam talian, dsb., apa-apa produk merokok TIDAK BOLEH dijual secara dalam talian atau melalui mesin layan diri.<br>3. Ini adalah selari dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] sebelum ini iaitu mesin layan diri bagi hasil tembakau dilarang.<br>4. Oleh yang demikian, penjualan vape melalui mesin layan diri adalah **TIDAK DIBENARKAN.** |
| 2. | Adakah rokok elektronik atau VAPE dibenarkan penjualannya secara dalam talian atau '*online*'? | 1. Di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024 iaitu berkaitan larangan penjualan produk merokok secara dalam talian, dsb., apa-apa produk merokok TIDAK BOLEH dijual secara dalam talian atau melalui mesin layan diri.<br>2. Ini adalah selari dengan Peraturan 10A, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] sebelum ini iaitu berkaitan larangan menjual hasil tembakau secara dalam talian.<br>3. Oleh itu, penjualan vape secara dalam talian atau *online* adalah **TIDAK DIBENARKAN**. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Bagaimanakan tindakan boleh diambil kepada mereka yang menjual bahan perisa terlarang dalam cecair rokok elektronik? | 1. Buat masa sekarang, tiada peruntukan berkaitan larangan penggunaan sebarang perisa dalam cecair rokok elektronik di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*].<br><br>2. Walau bagaimanapun, penambahan sebarang dadah berbahaya seperti di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan Akta Racun 1952 [*Akta 366*] dalam cecair elektronik adalah dilarang.<br><br>3. Aktiviti ini dapat dipantau oleh KKM melalui keperluan penghantaran laporan analisis makmal sewaktu proses pendaftaran produk merokok sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pendaftaran Produk Tembakau, Bahan Merokok dan Produk Pengganti Tembakau) 2024. |
| 4. | Apakah tindakan yang boleh diambil jika terdapat aktiviti **penjualan rokok elektronik kepada Orang Belum Dewasa**? | 1. Di bawah Subseksyen 13(1), Akta 852, tiada seorang pun boleh menjual apa-apa produk merokok, atau mengadakan apa-apa perkhidmatan merokok, kepada orang belum dewasa (OBD).<br><br>2. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—<br>a. sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan—<br>i. bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan<br>ii. bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan<br><br>b. sekiranya orang itu adalah suatu pertubuhan perbadanan— |

| | | |
|---|---|---|
| | | i. bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan<br>ii. bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. |
| 5. | Bolehkah *Wallpaper* produk rokok elektronik digunakan untuk dijadikan tinted pintu kaca lutsinar? |  |
| 6. | Bilakah kawalan penjualan akan dikuatkuasakan? | Tindakan penguatkuasaan bagi kawalan penjualan akan dilaksanakan seperti berikut–<br>a. Secara **SERTA MERTA** bagi tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan, secara dalam talian dan melalui mesin layan diri; dan |

| | | |
|---|---|---|
| | | b. Secara **BERFASA** selepas enam (6) bulan iaitu pada 1 April 2025 melalui penguatkuasaan pendidikan di kedai serbaneka bagi pameran di kaunter jualan dan penjualan di kedai khas. |
| 7. | Berapa lamakah tempoh yang dibenarkan bagi *tinted* dan tanda amaran sehingga dikuat kuasakan? | 1. Seseorang peruncit atau mana-mana orang tidak boleh mempamerkan, menyebabkan atau membenarkan dipamerkan apa-apa produk merokok kecuali di kedai khas sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 6(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024.<br><br>2. Selain itu, di bawah Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024 pula, mana-mana peruncit atau orang yang menjual produk merokok, sama ada di kedai khas atau selainnya hendaklah, pada setiap masa, mempamerkan dengan cara yang mudah dilihat suatu tanda amaran seperti di bawah:<br> <br><br>3. Peruncit diberikan masa selama tempoh enam (6) bulan daripada tarikh Akta 852 berkuat kuasa bagi memastikan pematuhan kepada peraturan ini. |
| 8. | Adakah boleh mempamerkan rokok di rak di stesen minyak? | Seseorang peruncit atau mana-mana orang <u>tidak boleh mempamerkan</u>, <u>menyebabkan atau membenarkan dipamerkan</u> apa-apa produk merokok kecuali di kedai khas sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 6(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024. |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Apakah guideline bagi penjualan vape secara online? | Penjualan bahan merokok (cecair rokok elektronik atau vape) secara dalam talian (*online*) adalah dilarang dan tindakan penguatkuasaan **SERTA MERTA** akan dilaksanakan bermula 1 Oktober 2024. |
| 10. | Adakah dibenarkan penjualan vape di kawasan uptown/downtown-kedai yang dimiliki (khas) | **TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERFASA**<br>**TATACARA PENJUALAN PRODUK MEROKOK DI KEDAI KHAS**<br>Produk merokok **TIDAK BOLEH** dilihat dengan jelas dari luar kedai **TETAPI**<br>a) boleh dipamerkan dalam kedai khas; dan<br>b) mempamer tanda larangan jualan kepada OBD<br> <br> <br><br> <br>Tindakan penguatkuasaan akan bermula selepas **enam (6) bulan** |

# PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [*AKTA 852*]

## E. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Bolehkah tindakan penguatkuasaan dilaksanakan bagi penjualan rokok elektronik atau vape seperti mainan? | Tindakan penguatkuasaan **SERTA MERTA** berkuatkuasa 1 Oktober 2024 boleh dilaksanakan bagi penjualan rokok elektronik atau vape berbentuk mainan.<br><br>**TINDAKAN PENGUATKUASAAN SERTA MERTA**<br><br>**(b) KAWALAN TEMPAT JUALAN**<br>(Institusi pengajian, vending machine, vape trak, *online*, pasar jualan)<br><br> <br><br> <br><br>**(c) KAWALAN PEMBUNGKUSAN**<br>pod pakai buang berbentuk mainan<br><br>8 |
| 2. | Bilakah pembungkusan dan pelabelan akan dikuatkuasakan? | Tindakan penguatkuasaan secara BERFASA selewat-lewatnya selepas satu (1) tahun iaitu pada 1 Oktober 2025. |

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERFASA

### PERATURAN PEMBUNGKUSAN & PELABELAN

| Bil | JENIS PRODUK | PAKET | KARTON | AMARAN KESIHATAN BERGAMBAR | TINDAKAN PENGUATKUASAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Rokok | **20 batang** (Kadbod keras berbentuk kuboid) | 10 paket (Kadbod keras berbentuk kuboid) | 6 | Berdasarkan produk *(product by product)*- selewat-lewatnya selepas satu (1) tahun) |
| 2. | Tembakau lerai dan tembakau tanpa asap | a) Tin atau kadbod berbentuk silinder | 10 paket (Kadbod keras berbentuk kuboid) | 6 | |
| | | b) Kotak, tin atau kantung berbentuk kuboid | | | |
| 3. | Cerut | a) **Sebatang cerut-** Kadbod keras berbentuk kuboid | - | 6 | |
| | | b) **Lebih daripada sebatang**<br>- Tin/ kadbod berbentuk silinder<br>- Kotak, tin atau kantung berbentuk kuboid | - | | |
| 4. | Produk dipanaskan | **20 batang** (Kadbod keras berbentuk kuboid) | 10 paket (Kadbod keras berbentuk kuboid) | 1 | |

14

<table>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>JENIS PRODUK</th><th>PAKET</th><th>KARTON</th><th>AMARAN KESIHATAN BERGAMBAR</th><th>TINDAKAN PENGUATKUASAAN</th></tr>
<tr><td>5.</td><td>Bahan merokok<br><br>(kepekatan nikotin 35mg/ml selama setahun sehingga 1 Okt 2025, kemudian 20mg/ml)</td><td>a) Botol<br>• bekas yang dilak berbentuk silinder<br>• Isipadu 15 ml<br> <br>b) Katrij<br>- Blister<br>- Isipadu 3 ml untuk tempoh 2 tahun (sehingga 1 Okt 2026)<br> <br>c) Pod pakai buang<br>- Silinder, pen like, atau kuboid<br>- Isipadu 3 ml untuk tempoh 2 tahun (sehingga 1 Okt 2026)<br> </td><td>10 paket (Kadbod keras berbentuk kuboid)</td><td>1<br> <br><br>JENAMA</td><td>Berdasarkan produk (product by product)- selewat-lewatnya selepas satu (1) tahun)<br><br>15</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Adakah produk vape lebih 3ml (disposable) masih dibenarkan untuk penjualan?</td><td>Penjualan produk pod pakai buang (disposable pod) yang melebihi isipadu 3ml <u>masih dibenarkan</u> berdasarkan produk (product by product) untuk tempoh selewat-lewatnya satu (1) tahun.</td></tr>
</table>

## F. LARANGAN MEROKOK

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Bolehkah permohonan untuk mengadakan kawasan merokok dibuat? jika boleh, kepada siapa permohonan perlu dibuat? | 1. Di bawah Peraturan 11(2), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri boleh, apabila permohonan dibuat, meluluskan mana-mana kawasan sama ada secara tetap atau bagi tempoh yang ditentukan olehnya sebagai kawasan merokok.<br><br>2. Ini telah menyebabkan Malaysia tidak memenuhi kehendak di bawah Artikel 8 yang digariskan di bawah *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* iaitu *Protection from exposure to tobacco smoke.*<br><br>3. Oleh yang demikian, di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*], peruntukan tersebut telah digugurkan. |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Di manakah tempat-tempat yang diwartakan sebagai tempat larangan merokok? | **TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERTERUSAN**<br><br>**(a) TEMPAT DILARANG MEROKOK**<br>1. Pusat hiburan atau teater, kecuali kasino;<br>2. Kawasan hospital atau klinik;<br>3. Lif atau tandas awam;<br>4. Tempat makan;<br>5. Kedai berhawa dingin;<br>6. Bangunan dobi (tindakan penguatkuasaan selepas 1 Januari 2025);<br>7. Bangunan hentian pengangkutan awam;<br>8. Kawasan lapangan terbang kecuali kawasan atau bilik merokok yang telah diluluskan;<br>9. Kawasan premis Kerajaan;<br>10. Bangunan Parlimen Malaysia;<br>11. Mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan sama ada di mana-mana tempat awam atau di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirin;<br>12. Kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;<br>13. Kawasan taman asuhan kanak-kanak;<br>14. Kaunter perkhidmatan awam;<br>15. Kompleks membeli-belah<br>16. Kawasan stesen minyak;<br>17. Bangunan stadium, pusat kecergasan atau gimnasium;<br>18. Kawasan kompleks sukan;<br>19. Bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;<br>20. Kawasan perpustaan;<br>21. Kafe internet;<br>22. Kawasan tempat latihan khidmat negara;<br>23. Bangunan tempat kerja(tindakan penguatkuasaan selepas 1 Januari 2025);<br>24. Kawasan rehat dan rawat kecuali tempat letak kereta awam terbuka;<br>25. Kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka;<br>26. Menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter dari laluan masuk atau keluar titian kanopi dalam taman negara atau taman negeri;<br>27. Di dalam bas sekolah; dan<br>28. Di dalam kenderaan awam. |

## G. TANDA AMARAN LARANGAN MEROKOK

<table>
<tr><th>BIL</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apakah spesifikasi ukuran tanda larangan merokok yang digunakan untuk bangunan atau premis tempat makan?</td><td>

**LARANGAN MEROKOK (TANDA AMARAN LARANGAN MEROKOK)**

| BIL. | TEMPAT | SAIZ | PERKARA |
|---|---|---|---|
| 1. | Di dalam mana-mana bangunan | 40 sm (lebar) x 50 sm (panjang) | Kod QR bersaiz 10sm x 10 sm |
| 2. | Di dalam mana-mana kenderaan awam (selain teksi, kereta sewa atau kenderaan e-hailing) | 15 sm (lebar) x 18 sm (panjang) | Kod QR bersaiz 4 sm x 4 sm |
| 3. | Di dalam mana-mana teksi, kereta sewa atau kenderaan e-hailing | 8 sm (lebar) x 10 sm (panjang) | Kod QR bersaiz 2 sm x 2 sm |
| 4. | Di laluan mana-mana Kawasan /tempat | 60 sm (lebar) x 90 sm (panjang) | Kod QR bersaiz 15 sm x 15 sm |

**(a) Tandalaranganmerokoklama**

**(b) Tandalarangan merokokbaharu**

Tindakan penguatkuasaan akan bermula selepas **enam (6) bulan**

</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dimanakah **kedudukan yang sesuai** untuk dilekatkan tanda larangan merokok di tempat terbuka?</td><td>1. Di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Tanda amaran Larangan Merokok) 2024, tuan punya atau penghuni apa-apa kawasan atau tempat larangan merokok yang diisytiharkan melalui Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Larangan Merokok) 2024 [*P.U.(A) 257/2024*] hendaklah, pada setiap masa mempamerkan suatu tanda amaran larangan merokok mengikut spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan di mana-mana bahagian yang mudah dilihat pada bangunan atau kenderaan atau di mana-mana laluan masuk kawasan atau tempat itu.</td></tr>
</table>

## H. HUKUMAN DENDA DAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

<table>
<tr><th>BIL</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Berapakah nilai denda dan hukuman di bawah Akta 852?</td><td>
<table>
<tr><th colspan="8">JADUAL RINGKASAN DENDA DALAM AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]</th></tr>
<tr><th colspan="2" rowspan="2">KESALAHAN</th><th colspan="2">BERAT</th><th colspan="2">PERTENGAHAN</th><th colspan="2">RINGAN</th></tr>
<tr><th>NILAI (RM)</th><th>PENJARA (TAHUN)</th><th>NILAI (RM)</th><th>PENJARA (TAHUN)</th><th>NILAI (RM)</th><th>PENJARA (TAHUN)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">INDIVIDU</td><td>KESALAHAN PERTAMA</td><td>≤ 20 ribu</td><td>≤ 1</td><td>≤ 10 ribu</td><td>≤ 1</td><td>5 ribu<br>OBD: 5 ratus</td><td>-<br>Perintah Khidmat Masyarakat</td></tr>
<tr><td>KESALAHAN BERIKUTNYA</td><td>≤ 30 ribu</td><td>≤ 2</td><td>≤ 20 ribu</td><td>≤ 1</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PERTUBUHAN PERBADANAN</td><td>KESALAHAN PERTAMA</td><td>20 - 100 ribu</td><td>≤ 2</td><td>10 - 50 ribu</td><td>≤ 1</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td>KESALAHAN BERIKUTNYA</td><td>50 - 300 ribu</td><td>≤ 3</td><td>30 - 200 ribu</td><td>≤ 2</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td colspan="2">* Kesalahan adalah merangkumi denda dengan nilai (dalam Ringgit Malaysia) ATAU penjara ATAU kedua-duanya</td><td colspan="2">• Seksyen 3(2): Kehendak bagi pendaftaran produk merokok<br>• Seksyen 7(2): Larangan pengiklanan produk merokok<br>• Seksyen 13(2): Larangan penjualan kepada orang belum dewasa<br>• Seksyen 21(3): Situasi akut atau kritikal</td><td colspan="2">• Seksyen 8(2): Larangan pengiklanan produk merokok tiruan<br>• Seksyen 20(2): Tanggungjawab pengilang, pengimport atau pengedar</td><td colspan="2">• Seksyen 13 (4): Larangan pembelian produk merokok bagi orang belum dewasa (OBD).<br>• Seksyen 16(3): Kesalahan merokok di Kawasan atau tempat larangan<br>• Seksyen 17(2): Larangan merokok, dsb., produk merokok bagi orang belum dewasa (OBD)<br>• Seksyen 18(2): Tanggungjawab tuan punya bangunan, dsb.</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah bentuk kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta 852?</td><td>Di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengkompaunan Kesalahan) 2024 iaitu kesalahan yang boleh dikompaun adalah seperti berikut—<br>a. subseksyen 13(3) Akta 852 iaitu berkaitan kesalahan orang belum dewasa membeli produk merokok;<br><br>b. subseksyen 16(2) Akta 852 iaitu berkaitan kesalahan orang merokok di kawasan atau tempat dilarang merokok sebagaimana yang ditetapkan</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | di bawah Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Dilarang Merokok) 2024;<br><br>c. subseksyen 17(1) Akta 852 iaitu berkaitan kesalahan orang belum dewasa merokok, mengunyah atau menggunakan mengikut apa jua cara apa-apa produk tembakau, atau merokok produk pengganti tembakau termasuk bahan merokok; dan<br><br>d. subseksyen 18(1) Akta 852 iaitu berkaitan kesalahan tanggungjawab tuan punya atau penghuni apa-apa kawasan atau tempat larangan merokok. |